

## Tsunami Pilihan Raya Umum ke-14 di Malaysia: Kebangkitan Pakatan Harapan dan Kemunculan Politik Baharu

*The Tsunami of 14th General Election (GE): The Rise of Pakatan Harapan and the Emergence of New Politics*

MOKHTAR AHMAD, JUNAIDI AWANG BESAR\*, MOHD FUAD MAT JALI

### ABSTRAK

*Sejarah 13 kali pilihan raya umum bermula 1959 menyaksikan Barisan Nasional (BN) di Negeri Sembilan telah dilanda tsunami politik apabila tumbang buat julung kalinya kepada Pakatan Harapan (PH) pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 yang lalu. Pakatan Harapan berjaya membentuk kerajaan apabila memenangi 20 kerusi DUN daripada 36 kerusi DUN yang dipertandingkan. Kemenangan ini telah membuka lembaran baru kepada dinamika politik di Negeri Sembilan yang tercetus oleh pelbagai isu dan faktor. Oleh itu adalah menjadi matlamat kajian ini untuk menganalisis isu dan faktor tersebut yang membawa kepada kemunculan politik baharu di Negeri Sembilan. Penulisan artikel ini menggunakan menggunakan data primer melalui tiga kaedah utama iaitu soal selidik di lapangan, temu bual bersemuka dan pemerhatian di lapangan. Kaedah soal selidik di lapangan melibatkan 380 responden yang terdiri daripada pengundi Melayu berumur 21 tahun dan ke atas, di Daerah Mengundi di DUN Labu. Kaedah temu bual pula melibatkan empat informan yang terdiri daripada pemimpin parti politik di Labu. Data sekunder pula diperolehi daripada kajian kepustakaan dan kajian atas talian. Dapatan kajian memperlihatkan satu anjakan paradigma tentang naratif pengundian yang bersifat fleksibel dan dinamik serta tiada kemustahilan dalam proses politik pilihan raya. Lebih dari itu, pola pengundian yang terbentuk agak nyata dengan pengundi luar bandar atau kurang pembangunan masih memberi dokongan yang padu kepada BN dikala pengundi bandar, pinggir bandar dan kawasan membangun yang agak selesa kemudahan infrastrukturnya beralih kepada pembangkang. Implikasi kajian ini adalah dapat menambahkan koleksi data pilihan raya dan dapat menjelaskan lebih terperinci dinamika pilihan raya di kawasan kajian.*

*Kata kunci: tsunami politik; pilihan raya umum; dinamika politik; politik Baharu; tingkah laku politik*

### ABSTRACT

*The history of 13 general elections starting in 1959 saw Barisan Nasional (BN) in Negeri Sembilan hit by a political tsunami when it fell for the first time to Pakatan Harapan (PH) in the last 14th General Election (GE). Pakatan Harapan succeeded in forming the government when it won 20 state assembly seats out of 36 state assembly seats contested. This victory has opened a new chapter to the political dynamics in Negeri Sembilan which was triggered by various issues and factors. Therefore, it is the aim of this study to analyze the issues and factors that lead to the emergence of new politics in Negeri Sembilan. The writing of this article uses primary data through three main methods, namely questionnaires in the field, face-to-face interviews and observations in the field. The questionnaire method in the field involved 380 respondents consisting of Malay voters aged 21 years and above, in the Voting District of Labu State Assembly. The interview method involved four informants consisting of political party leaders in Labu. Secondary data is obtained from literature research and online research. The findings of the study show a paradigm shift about the flexible and dynamic voting narrative and no absurdity in the electoral political process. More than that, the voting pattern that has formed is quite clear with rural or less developed voters still giving solid support to BN while voters in cities, suburbs and developing areas with relatively comfortable infrastructural facilities switch to the opposition. The implication of this study is to be able to add to the collection of election data and to be able to explain in more detail the dynamics of the election in the study area.*

*Keywords: political tsunami; general election; political dynamics; new politics; political behavior*

## PENGENALAN

Lewat petang Rabu 9 Mei 2018, rakyat dan pengundi Negeri Sembilan dikejutkan dengan berita kekalahan Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang diterajui oleh UMNO. Kekalahan ini bagaikan tsunami dahsyat yang pernah melanda negara 20 tahun yang lalu (2004). Daripada 36 kerusi DUN yang dipertandingkan pada PRU-14 itu, gabungan BN yang diwakili UMNO, MCA, MIC dan Gerakan sekadar menang 16 kerusi DUN. 14 kerusi dimenangi calon UMNO dan hanya satu sahaja wakil daripada MIC. MCA dan Gerakan pula kalah di semua 11 kerusi DUN yang ditandingi kepada calon DAP. Pakatan Harapan (PH) pula, gabungan DAP, PKR, AMANAH dan BERSATU menang dengan majoriti mudah 20 kerusi iaitu 11 kerusi dimenangi DAP, 6 kerusi dimenangi PKR dan 3 kerusi dimenangi AMANAH. Rakan gabungan PH iaitu PPBM yang diperuntukan 7 kerusi DUN gagal memenangi sebarang kerusi. Kemenangan PH ini membolehkan Pengerusi Pakatan Harapan Negeri Sembilan yang juga ADUN Sikamat dilantik menjadi Menteri Besar kelapan bagi Negeri Sembilan pada 12 Mei di hadapan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Muhriz Tunku Munawir di Istana Besar Seri Menanti, Kuala Pilah.

Lebih menarik, PH Negeri Sembilan juga membuat kejutan di peringkat Parlimen apabila memenangi 5 kerusi Parlimen berbanding 3 yang dimenangi BN. PH mengekalkan 3 kerusi Parlimen Seremban, Rasah dan Port Dickson dan menambah kerusi di Parlimen Kuala Pilah dan Tampin. Kerusi Parlimen Jelevu, Jempol dan Rembau kekal milik BN. Buat julung kalinya juga Pakatan Harapan (PH) berjaya menubuhkan kerajaan di peringkat Persekutuan dengan memenangi 121 kerusi Parlimen bersama Parti Warisan di Sabah, sekali gus menumbangkan Barisan Nasional yang telah menjadi pemerintah di negara ini sejak 1959. Justeru, adalah menjadi tujuan penulisan artikel ini untuk menganalisis tsunami politik PRU-14 berdasarkan isu, faktor sokongan pengundi dan faktor kemenangan PH di Negeri Sembilan dengan menjadikan kawasan DUN Labu sebagai kawasan kajian kes.

## SOROTAN LITERATUR

Bagi politik pilihan raya luar negara, Robinson & Noriega (2010) menegaskan peningkatan bagi kekuatan Parti Demokrat di Ricky Mountain West dan meneroka penghijrahan dalam negeri sebagai penyebab kepada perubahan pilihan raya. Evans et al. (2017) menyatakan bahawa perbezaan calon dan tempat tinggal pengundi mempengaruhi jumlah undian dalam pilihan raya umum UK 2015. Carison & Gimpel (2019) menggambarkan corak pergerakan beberapa juta pengundi dalam enam wilayah negara dan mendapati penghijrahan tersebut dilihat lebih terarah kepada kawasan kejiranan yang bersesuaian dengan politik parti pendaftaran mereka.

Bagi politik pilihan raya di Malaysia, literasi media mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia (Siti Nurshahidah, Normah & Mohd Nor Shahizan 2024). Suhana & Shahrul Nazmi (2023) menjelaskan bahawa paparan arah media berat sebelah dan nilai kredibiliti dalam PRU-15 di Malaysia jelas menunjukkan bahawa liputan berita yang dipaparkan oleh Utusan Malaysia Online berbanding agensi berita yang lain. Ali & Mohd Azul (2020) menjelaskan bahawa media sosial menyediakan maklumat untuk memahami isu politik dalam negara dan pada masa yang sama memberi kuasa kepada rakyat untuk berkongsi maklumat tentang politik. Jeniwaty, Mohammad Agus & Jamaie Hamil (2024) menerangkan bahawa majoriti pertubuhan anti-persekutuan di Sabah menyebarkan pengaruh mereka melalui media sosial, khususnya Facebook. Walaupun mereka

telah dapat mengumpulkan ribuan pengikut Facebook, mereka tidak dapat mencapai banyak pengaruh politik selepas tewas hampir kesemua kerusi yang dipertandingkan pada PRU-13 dan PRU-14. Izairuddin, Muhamad Nadzri & Jamaie (2022) menghujahkan bahawa keputusan PRN Melaka 2021 secara signifikannya dibentuk oleh faktor perpecahan parti pembangkang, selain kedudukan BN sebagai penyandang di kedua-dua peringkat negeri dan persekutuan - yang memberikan parti itu kelebihan dalam memenangi pilihan raya tersebut.

Bagi politik pilihan raya di Negeri Sembilan, Khoo (1994) menyatakan bahawa sistem politik Negeri Sembilan sangat bergantung kepada dua unsur iaitu kawasan dan kekeluargaan yang berpegang kuat kepada adat perpatih. Yusop Khan (2000) pula menjelaskan bahawa pada PRU 1999, Negeri Sembilan terus menjadi kubu kuat BN di kawasan Pantai Barat Semenanjung Malaysia yang sukar diganggu gugat. BN berjaya dengan cemerlang menawan bersih kesemua tujuh kerusi Parlimen dan 32 DUN di negeri tersebut. Strategic Info Research Development (2000) dalam analisisnya mengenai PRU 1999 menjelaskan biarpun pengundi Melayu tidak menyokong BN dalam PRU tersebut namun BN masih kental dengan menyapu bersih kesemua 32 kerusi DUN dan 8 kerusi Parlimen disebabkan oleh dokongan padu pengundi bukan Melayu terutamanya etnik Cina untuk memastikan kestabilan politik dan ekonomi di bawah BN.

Sementara itu, Mohd Sayuti (2004) menjelaskan bahawa kemenangan cemerlang yang diperoleh BN dalam PRU 2004 di peringkat persekutuan dan juga Negeri Sembilan adalah disebabkan oleh keyakinan dan mandat besar rakyat terhadap kepimpinan Perdana Menteri Abdullah Ahmad Badawi untuk memajukan ekonomi, sosial dan politik dengan lancar dan berkesan. Nazli (2008) pula berpandangan bahawa isu perkauman dalam perjuangan sesebuah parti politik dalam PRU 2008 masih menjadi faktor utama pengundi Melayu di luar bandar seluruh negara termasuk di Negeri Sembilan untuk meyakini dan mengundi calon BN terutamanya UMNO. Mohd Hasbie (2013) menjelaskan, kekalahan tipis 89 undi calon PKR di DUN Ampangan, Negeri Sembilan pada PRU 2013 adalah disebabkan oleh faktor calon yang tidak disokong oleh pengundi. Junaidi (2017) menjelaskan bahawa isu yang sering dibual dan dibangkitkan oleh responden di kawasan kajian adalah 93.0 peratus daripadanya menyatakan isu pemulihan ekonomi, harga barang/minyak. Ariff Aizuddin & Mohammad Khairuddin (2018) menghujahkan bahawa 'ayunan bandar' adalah fenomena yang menjadi pencetus dan pemangkin terhadap proses pertukaran kepimpinan dan pemerintahan di Negeri Sembilan.

Huraian yang dibuat oleh Junaidi et al. (2018) menyatakan bahawa keputusan PRU 2018 di wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia termasuk di Negeri Sembilan dikuasai PH kerana majoriti pengundi etnik India dan Cina telah mengundi calon PH manakala undi etnik Melayu telah terpecah kepada tiga parti iaitu PH, BN dan PAS. Junaidi (2018) menjelaskan bahawa pola pengundian PRU 2018 menarik kerana kemenangan parti yang bertanding dibentuk oleh faktor geografi yang terpisah antara satu sama lain termasuk di Negeri Sembilan. Sara (2018) menjelaskan bahawa media sosial khususnya Facebook semakin menjadi tumpuan sebagai 'pusat maklumat' rakyat Malaysia terutamanya pada kempen Pilihan Raya Umum Ke-14. Contoh paling nyata ialah insiden calon PH, Dr Streram Sinnasamy yang tidak dapat menjadi calon di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau, Negeri Sembilan kerana gagal menunjukkan pas pengenalan diri yang dikeluarkan Suruhanjaya Pilihan Raya untuk masuk ke dewan penamaan calon.

Penjelasan Junaidi (2019a), politik adalah disiplin ilmu yang menarik tetapi sukar untuk difahami kerana tingkah laku politik pengundi adalah dinamik atau tidak statik. Junaidi (2019b) menyatakan geopolitik kaum pada PRU 2018 di Malaysia termasuk di Negeri Sembilan menunjukkan sokongan terhadap BN/UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh

etnik Melayu. Junaidi (2019c) menjelaskan bahawa faktor sokongan pada PRK pasca PRU 2018 termasuk di Parlimen Port Dickson adalah kerana isu-isu semasa, kehebatan pemimpin dan calon, identifikasi parti, pengaruh media sosial, janji pembangunan dan sentimen semangat keMelayuan serta Islam. Mokhtar (2019) menjelaskan bahawa perubahan senario di Negeri Sembilan yang membawa kepada penguasaan PH di DUN Negeri Sembilan telah memberi satu gambaran tentang dinamikanya pola tingkah laku pengundian. Ahmad Kamal Ariffin, Nor Ain dan Nur Hannah (2019) menyatakan kekalahan mengejutkan BN pada PRU-14 di Negeri Sembilan adalah disebabkan isu-isu nasional yang turut memberi kesan kepada keputusan pilihan raya di negeri lain. Mohammad Khairuddin dan Zulkanain (2019) menyatakan bahawa prestasi DAP di Negeri Sembilan cemerlang kerana berjaya meningkatkan majoriti undi di kawasan yang mereka menangi dalam PRU-14 disebabkan sokongan pengundi yang inginkan perubahan pemerintahan di Negeri Sembilan.

Ismail, Suhaimie & Noor Nirwandy (2021) menyatakan bahawa calon yang boleh membawa kemajuan dan menangani isu setempat masih dapat mempengaruhi pola pengundian pada PRU-14. Junaidi (2021a) menyatakan bahawa keputusan dan pola pengundian dalam pilihan raya terutamanya PRU 2018 masih dibayangi dan dipengaruhi faktor geografi ruangan dan persekitaran. Junaidi (2021b) menekankan bahawa geopolitik kaum pada PRU 2018 menunjukkan sokongan terhadap BN/UMNO sangat bergantung kepada undi yang telah disumbangkan oleh etnik Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Harapan bergantung kepada undi etnik Cina.

Dalam artikel atas talian Junaidi (2022) menyatakan bahawa orang ramai di luar bandar, khususnya pengundi atas pagar sudah pasti tertarik kerana pengundi melihat kepada pengalaman dan sumbangan dilaksanakan calon. Artikel Shah Mohd Akmal (2023) menyatakan bahawa Anwar Ibrahim merupakan seorang ahli politik Malaysia yang panjang perjalanannya iaitu sejak tahun 1968 sebagai pemimpin gerakan pelajar, menyertai NGO dakwah ABIM, terlibat secara aktif UMNO, hinggalah menyertai PKN/PKR dan berjaya menjadi Perdana Menteri dalam PRU-15. Beliau dilihat seorang ahli politik yang tahan lasak kuat, kental, tabah, sabar, tidak putus asa dan teruji dalam usaha mencapai cita-cita politiknya. Mohd Sayuti (2023) menjelaskan bahawa Anwar Ibrahim tidak pernah merasa lelah dan berputus asa dalam meniti kerusi keramat Perdana Menteri. Beliau satu-satunya ahli politik negara yang paling tabah, kental dan teruji dengan berjaya dalam politik sebagai Timbalan Perdana Menteri, dipecat, dipenjarakan, diaibkan, dihina, dicemuh dan akhirnya mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia ke-10 pada 24 November 2022. Mokhtar (2024) menjelaskan bahawa pengundi Negeri Sembilan sangat bertanggungjawab dalam menggunakan hak mengundi mereka dalam membentuk kerajaan tempatan. Melalui kaji selidik yang dijalankan, 97.9 peratus responden berpartisipasi secara undian semasa pilihan raya.

Apa yang dapat dirumuskan adalah terdapatnya kepelbagaian isu, faktor dan penyebab kepada pembentukan keputusan dan pola pengundian dalam pilihan raya. Justeru itu, jurang kajian ini dan kajian lepas adalah sesuatu yang menarik untuk dikaji bagi merungkai persoalan yang berlegar dalam politik pilihan raya di kawasan kajian.

## METOD KAJIAN DAN KAWASAN KAJIAN

Dalam kajian ini, data dikumpulkan melalui dua jenis sumber utama iaitu data primer dan data sekunder. Data primer adalah data yang dikumpulkan secara langsung oleh penyelidik dari sumber asli untuk tujuan kajian tertentu. Pengumpulan data primer dilakukan melalui tiga kaedah utama iaitu soal selidik di lapangan, temu bual bersemuka dan pemerhatian di lapangan. Kaedah soal

selidik merupakan salah satu kaedah terpenting yang digunakan oleh pengkaji mendapatkan maklumat dan data daripada responden. Soal selidik ini melibatkan 380 responden yang terdiri daripada pengundi Melayu berumur 21 tahun dan ke atas, di Daerah Mengundi di DUN Labu. Pemilihan responden ini adalah saranan Krejcie & Morgan (1970) yang menyatakan jumlah ideal sampel responden untuk soal selidik bagi populasi 30,000 orang (30,478 orang pengundi di DUN Labu) adalah 379 orang. Terdapat berbagai soalan yang ditanyakan kepada responden melibatkan perkara seperti latar belakang responden, sumber maklumat politik dan isu semasa dan faktor yang mempengaruhi pola tingkah pengundi dalam PRU-14.

Temu bual dijalankan ke atas empat informan melibatkan mantan Menteri Besar Negeri Sembilan, Mantan Speaker Dewan Undangan Negeri, Speaker Dewan Undangan Negeri dan seorang pemimpin parti politik di Labu. Kaedah temu bual ini berjalan santai bagi mendapatkan maklumat lisan berkaitan soalan mengenai politik pilihan raya di DUN Labu. Pemerhatian di lapangan adalah satu kaedah yang boleh digunakan selain kaedah temu bual dan soal selidik. Kaedah ini akan membolehkan pemerhatian dibuat sendiri oleh pengkaji di lapangan iaitu kawasan kajian di DUN Labu. Data sekunder pula adalah data yang telah dikumpulkan oleh pihak lain dan boleh digunakan semula oleh penyelidik. Data sekunder biasanya diperolehi daripada sumber-sumber seperti kajian kepustakaan, laporan statistik, artikel jurnal dan pangkalan data atas talian. Perpustakaan yang dirujuk adalah Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, Muzium Negeri Sembilan, dan Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan (PPANS). Antara akhbar yang dirujuk oleh pengkaji adalah Sinar Harian, Berita Harian/Minggu, Utusan Malaysia/Mingguan Malaysia, Suara Keadilan dan Harakah. Bagi menjuruskan lagi ulasan dan dapatan kajian, pengkaji menggunakan sumber lain seperti rujukan secara online daripada internet yang berkaitan dengan politik pilihan raya atau tingkah laku pengundi dan seumpamanya.


Pengkaji menggunakan aplikasi 'Statistical Package for The Social Science Version Personal Computer' atau SPSS PC. Aplikasi digunakan kerana ia dapat mengakses banyak jenis format, dengan itu data yang ada dapat terus dibuat analisis tanpa perlu dilakukan sebarang perubahan pada formatnya seperti Lotus, dBase atau Text File. Jika data hilang, aplikasi ini akan dapat dikesan melalui nota yang ditinggalkan atau alasan yang dinyatakan, menyebabkan maklumat dan data akan menjadi lebih tepat. Lebih dari itu, penggunaan aplikasi SPSS ini, akan dapat menjimat masa semasa proses analisis data.

Kawasan kajian iaitu DUN Labu terletak dalam Parlimen Rasah, bersebelahan dengan KLIA Sepang dan mempunyai jaringan sistem pengangkutan yang melaluinya seperti Lebuhraya PLUS dan stesen keretapi KTM seperti di Tiroi dan Labu. DUN Labu mempunyai seramai 30,478 orang pengundi. DUN Labu mempunyai kepadatan penduduk 412 orang per satu kilometer persegi pada tahun 2020. DUN ini mencatatkan bilangan lelaki melebihi perempuan dengan nisbah jantina 109 lelaki bagi setiap 100 orang perempuan, dengan kumpulan etnik warganegara menunjukkan terdapat 77.7 peratus Bumiputera, 9.8 Cina, 11.3 India dan 1.2 peratus etnik lain. Daripada jumlah tersebut, 93.9 peratus adalah warganegara dan 6.1 peratus adalah bukan warganegara.

Kawasan kajian yang dibuat adalah kawasan DUN Labu yang mempunyai enam daerah mengundi iaitu Jijan, Kondok, Tiroi, Labu, Labu Jaya dan Kampung Gadong (Lihat Rajah 1). Pengundi berdaftar sehingga tahun 2023 adalah seramai 30,478 orang dengan peratusan pengundi mengikut etnik ialah 71.76 peratus pengundi Melayu, 10.24 peratus pengundi Cina, 15.03 peratus pengundi India, 0.29 peratus pengundi Bumiputra Sabah, 0.18 peratus pengundi Bumiputera Sarawak, 2.07 peratus pengundi Orang Asli dan 0.42 peratus etnik lain. Peratusan pengundi mengikut umur pula menunjukkan terdapat 14.83 peratus berumur 21 hingga 29 tahun, 22.01 peratus berumur 30 hingga 39 tahun, 23.06 peratus berumur 40 hingga 49 tahun, 20.86 peratus

berumur 50 hingga 59 tahun, 12.13 peratus berumur 60 hingga 69 tahun dan 7.1 peratus berumur 70 tahun ke atas.

Dalam PRU-14 yang lalu, terdapat 6 daerah mengundi iaitu Daerah Mengundi Jijan mempunyai 5,742 jumlah pengundi berdaftar, Daerah Mengundi Kondok mempunyai 1,685 jumlah pengundi berdaftar, Daerah Mengundi Tiroi mempunyai 3,305 jumlah pengundi berdaftar, Daerah Mengundi Labu mempunyai 2,729 jumlah pengundi berdaftar, Daerah Mengundi Labu Jaya mempunyai 2,566 jumlah pengundi berdaftar dan Daerah Mengundi Kampung Gadong Jaya mempunyai 1,762 jumlah pengundi berdaftar, manakala Undi Pos adalah sebanyak 232 undi dan undi awal ialah 16 undi. Bagi Undi Awal, pengundian telah dijalankan di Dewan Acacia IPD Seremban. Pusat mengundi lain adalah Sekolah Kebangsaan Dato' Ahmad Manaf bagi Jijan, Sekolah Kebangsaan Dato' Shahbandar Abu Bakar Labu Hilir bagi Kampung Kondok, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kg Baru Bt 8 Labu bagi Tiroi, Sekolah Kebangsaan Labu bagi Labu, Sekolah Kebangsaan L B Johnson bagi Labu Jaya.



RAJAH 1. Peta kawasan Daerah Mengundi dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Labu, Negeri Sembilan  
*Sumber: Diubahsuai dari SPR 2022*

Bagi saluran mengundi pula, Jijan mempunyai 9 saluran mengundi, Kondok mempunyai 3 saluran mengundi, Tiroi mempunyai 6 saluran mengundi, Labu mempunyai 5 saluran mengundi, Labu jaya mempunyai 5 saluran mengundi dan Kampung Gadong Jaya mempunyai 4 saluran mengundi. Jadual 1 ditunjukkan jumlah pengundi yang mengundi di setiap daerah mengundi termasuk Undi Pos dan Undi Awal, saluran dan pengundi yang mengundi pada PRU-14 di DUN Labu.

JADUAL 1. Jumlah Pengundi dan Saluran Mengundi Daerah Mengundi N20 Labu pada PRU-14

<b>Daerah Mengundi</b>	<b>Saluran Mengundi</b>	<b>Jumlah undi dikira</b>
Undi Pos	-	153
Undi Awal	(1)	16
Jijan	9	4728
Kampong Kondok	3	1399
Tiroi	6	2781
Labu	5	2248
Labu Jaya	5	2087
Kampung Gadong	4	1516
Jumlah	32	14,681

*Sumber: Diubahsuai daripada Data SPR*

Jumlah pengundi yang telah keluar mengundi ialah sebanyak 84.3 peratus (15,006) dengan jumlah undi yang ditolak adalah sebanyak 1 peratus (266) undi atau jumlah undi yang dikira adalah sebanyak 14,681 undi. Kawasan DUN Labu ini telah dimenangi oleh Ismail Hj Ahmad daripada PKR yang mewakili Pakatan Harapan (PH) menggunakan logo PKR dengan jumlah majoriti undi sebanyak 882. Beliau telah mengalahkan tiga calon lain iaitu Hasim Rusdi daripada BN-UMNO, Mohd Khairil Anuar Mohd Wafa daripada PAS dan seorang lagi calon daripada PAP iaitu David Dass Aseerpatham.

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### ISU-ISU DIBINCANGKAN PADA PRU-14 DI KAWASAN DUN LABU

Isu merupakan satu elemen penting dalam proses pilihan raya. Ia boleh menentukan pola pengundian di sesuatu kawasan. Jadual 2 ditunjukkan hasil kajian ke atas responden yang dijalankan mengenai isu-isu yang sering dibincangkan pada PRU-14 di DUN Labu. Melalui kajian yang dijalankan ke atas responden mendapati bahawa isu utama yang selalunya dibincangkan ialah isu pemulihan ekonomi, harga barangan yang semakin meningkat, inflasi dan kos sara hidup. Isu ini telah mendapat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 17.7 peratus. Persekitaran ekonomi yang lembab dan perlahan akan menyebabkan komuniti perniagaan seperti syarikat kecil dan sederhana (PKS) akan terus berdepan dengan tekanan kos perniagaan berikutan kenaikan harga bahan mentah, peningkatan kos operasi dan masalah aliran tunai di tengah-tengah kebimbangan isu kekurangan pekerja. Ekonomi yang lembab juga akan menyebabkan banyak sektor mengambil langkah berhati-hati termasuklah sebahagian majikan terpaksa memberhentikan pekerja mereka dan apabila pekerja itu diberhentikan maka ekonomi mereka sudah pasti akan terjejas. Apabila ini berlaku, dengan kehilangan pekerjaan, ditambah dengan kos barangan yang semakin meningkat

dan kos sara hidup keluarga yang semakin mendesak boleh menimbulkan permasalahan lain seperti berlakunya kes keganasan rumah tangga, jenayah dan lebih teruk mengambil keputusan membunuh diri.

JADUAL 2. Isu-isu dibincangkan pada PRU 14 di N20 Labu

<b>Isu-Isu dibincangkan</b>	<b>Peratusan</b>
Pemulihan Ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara	17.7
Peluang Pekerjaan	10.7
Isu Kemudahan Insfrastuktur	10.7
Isu Pertempatan/perumahan	8.0
Isu kebersihan	6.2
Isu janji pelihan raya	5.9
Isu Pembangunan setempat	5.3
Isu kepimpinan	4.5
Kestabilan dan perpaduan	4.5
Isu perhubungan dan pengangkutan	4.1
Isu masalah Sosial	3.8
Isu Tanah	3.6
Isu Pendidikan	2.7
Isu Alam Sekitar	2.7
Hak ketuanan Melayu	2.1
Kestabilan Politik	2.1
Jurang Pendapatan antara bandar dan luar bandar	1.5
Jurang Pendapatan antara kaum	0.3
Isu air	0.0
Isu lain	3.8
<b>Jumlah</b>	<b>100.0</b>

*Sumber Soal Selidik, 2022*

Maka dengan itu jelaslah kepada responden mereka mengambil berat dan prihatin mengenai pemimpin atau suasana politik agar ditadbir oleh mereka yang bertanggungjawab, bijak dan peduli rakyat agar terus mentadbir negara menjadi aman, maju, kehadapan dan ekonomi dapat berkembang agar dinikmati oleh semua lapisan rakyat. Ekonomi yang maju dan berkembang, sudah pasti memwujudkan pelbagai peluang perniagaan hasil keyakinan pelaburan untuk datang melabur di negara ini yang akhirnya membuka peluang kerjasama perniagaan atau pekerjaan. Itulah sebabnya rakyat atau pengundi sangat mengambil berat kestabilan politik yang merangsang pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya terjadi, apabila pemulihan ekonomi menemui jalan buntu dan terus merosot, harga barang melambung tinggi, inflasi tidak terkawal, peluang pekerjaan tiada, sudah pasti pemerintahan akan dipertanggungjawabkan hingga menimbulkan ketegangan dan huruhara suasana politik seperti yang telah berlaku di Sri Lanka beberapa ketika dahulu. Hasil kajian ini juga dapat dijelaskan lagi dengan hasil temu bual berikut. Menurut Tan Seri Utama Isa Samad, Mantan Menteri Besar Negeri Sembilan, beliau menyatakan bahawa:

“Rakyat seperti di negeri lain, pertama dia nak tengok negeri tu maju. Dan dia nak hidup cara yang selesa, walaupun dia miskin tapi hidup tak masalah, dia happy dengan kehidupannya. Dia ada makan, dia ada pakai, kan dan sebagainya. Dan dia tengok negeri membangun, dia tengoklah pimpinan bagus, semua. Jadi dia soronoklah. Tapi kalau macam bermasalah lah kan, kata sekarang ni sebagai contoh eh masalah, PKP ni, orang nak berjual tak boleh, jadi benda-benda ini meninggal kesan tau...”

(Tan Seri Utama Isa Samad, Mantan Menteri Besar Negeri Sembilan 30 Jan 2021)



Isu kedua yang ditekankan responden ialah peluang pekerjaan dengan mencatatkan 10.7 peratus. Pekerjaan adalah perkara asas kepada kehidupan seseorang, apatah lagi mereka yang telah berkeluarga dan mempunyai tanggungan atau komitmen yang besar. Dengan bekerja sudah pasti mereka mendapat sumber kewangan yang boleh digunakan untuk menyelesaikan keperluan harian atau bulanan mereka seperti membayar ansuran rumah, kereta, astro, membeli keperluan dapur, membayar bil-bil seperti bil elektrik dan air hinggalah kepada keperluan anak-anak di sekolah atau universiti. Sebaliknya jika tiadanya peluang pekerjaan baru yang boleh diwujudkan sama ada di sektor awam dan swasta, sudah tentulah ini akan meningkatkan kadar pengangguran selain daya saing yang terbantut. Tambahan pula Labu terletak dalam daerah yang sangat hampir dengan bandar seperti Seremban dan bersebelahan dengan negeri maju seperti Selangor. Gaya, budaya hidup ditambah dengan kemodenan yang yang berlaku memerlukan mereka untuk bersiap sedia dengan segala keperluan termasuk persediaan dari segi kewangan. Itu sebabnya responden mengambil peduli tentang politik dan isu-isu agar politik negara maju, aman dan ditadbir oleh mereka yang boleh memacu ekonomi negara, meyakinkan dan membawa pelabur untuk melabur yang akhirnya mewujudkan peluang pekerjaan. Mereka berharap kerajaan yang memerintah boleh mewujudkan peluang pekerjaan melalui pembukaan kawasan industri baru seperti di Esteks, Nilai atau Taman Tunku Jaafar di Seremban. Maka jelaslah disini bahawa responden sangat mengambil peduli tentang keperluan peluang pekerjaan yang mampu disediakan oleh mana-mana parti atau kerajaan sebagai satu perbincangan dan isu yang menjadi keutamaan mereka.

Isu ketiga adalah isu kemudahan infrastruktur dengan 10.7 peratus. Sama pentingnya dengan isu peluang pekerjaan. Kemudahan infrastruktur ataupun prasarana ini bermaksud kepada kemudahan seperti jaringan sistem pengangkutan seperti jalan raya, keretapi, pelabuhan atau lapangan terbang. Dalam maksud yang lebih mudah, ia merujuk kepada kemudahan asas seperti jalan, jambatan, terowong, parit dan pembentungan, telekomunikasi, bekalan air dan elektrik yang saling berkaitan dengan perkhidmatan, keperluan bagi membolehkan mengekalkan atau meningkatkan kualiti hidup penduduk atau masyarakat. Bagi penduduk atau pengundi di satu-satu tempat seperti DUN atau Parlimen, mereka beranggapan dan berkeyakinan bahawa menjadi tugas pemerintah menyediakan kemudahan infrastruktur atau prasarana ini sebagai satu tanggungjawab sosial atau kerajaan memerintah. Kegagalan menyediakan kemudahan infrastruktur asas ini akan dilihat bahawa kerajaan tidak sensitif keperluan rakyat atau pengundi, kerajaan yang tidak cekap, kerajaan yang tidak boleh bertahan lama dan lebih dari itu kerajaan yang tidak ada matlamat dan cita-cita politik membangunkan kawasan, negeri atau negara. Pemimpin seperti ini tidak sepatutnya dipilih atau mengambil tempat di arena pentadbiran sesebuah kerajaan atau pemerintahan. Contoh yang nyata berlaku di Labu adalah seperti banjir kilat yang kerap berlaku di sekitar Pekan Batu 8 dan Batu 9 Labu yang membawa kepada demontrasi dan menghantar memorandum bantahan banjir pada 17 Mei 2017 di hadapan Bangunan Wisma Negeri, Seremban.

Isu pertempatan/perumahan mendapat tempat keempat dengan peratusan mencatatkan sebanyak 8.0 peratus. Perumahan adalah kawasan dimana penduduk atau masyarakat tinggal atau menetap bersama keluarga dan anak-anak atau orang tersayang. Perumahan jugalah tempat berlonggoknya sekumpulan penduduk atau pengundi berkomunikasi, beramah mesra atau hidup dalam satu budaya yang dikongsi bersama. Walaupun banyak rumah-rumah baru yang dibina di sekitar labu seperti di Seremban 2, Sendayan atau Nilai, namun masalah yang dihadapi adalah kurangnya pembinaan rumah-rumah yang mampu milik. Kalau adapun, kebanyakan adalah rumah yang berharga ratusan ribu ringgit yang mana diluar kemampuan dan tahap kelayakan penduduk atau pengundi di Labu. Mereka berharap diperbanyakkan rumah kos rendah seperti Rumah Rakyat

Batu 7 Tiroi dan Rumah Rakyat Labu Hilir yang kali terakhir dibangunkan oleh kerajaan hampir 30 tahun yang lalu. Kepadatan penduduk yang semakin tinggi dan bertambah, menyebabkan adanya desakan agar supaya kerajaan membina dengan segera rumah kos sederhana/mampu milik agar dapat didiami oleh generasi muda di Labu. Malahan adanya gesaan supaya kerajaan prihatin dengan permasalahan perumahan yang semakin mendesak di Labu dan segera membangunkan tanah-tanah milik kerajaan untuk didirikan kawasan perumahan baru seperti tanah Yayasan Negeri Sembilan (YNS) di Labu Hilir dan Menteri Besar diPerbadanan (MBI) di Batu 9 Labu. Penduduk atau pengundi beralasan dengan memperbanyakkan rumah atau perumahan yang mampu milik ini, mereka masih dekat bersama keluarga dan orang tua selain faktor kekangan kewangan akibat gaji yang kecil dan sebahagiannya bekerja sendiri atau berniaga secara kecil-kecilan.

Isu kelima ialah isu kebersihan yang kerap dibincangkan oleh penduduk sekitar Labu. Isu ini berkaitan rapat dengan permasalahan kawasan pembuangan sampah, jadual kutipan sampah yang tidak konsisten selain bekas sampah yang kecil dan terhad. Adakalanya isu ini menimbulkan ketegangan antara penduduk sekitaran akibat sampah yang berbau yang berdekatan dengan kedai atau gerai makan, sampah yang telah penuh tetapi tidak dikutip, sebaliknya bertaburan di tepi-tepi jalan akibat diselongkar oleh haiwan seperti anjing. Bahkan satu ketika dulu, pemandangan kawasan pembuangan sampah yang tidak terurus ini mencatatkan pemandangan termasuk pengguna KTM yang berhampiran. Contoh ini boleh dilihat di Pekan Labu Lama yang menjadi laluan komuter KTM dari Seremban ke Kuala Lumpur. Isu lain dalam hal kebersihan ini ialah isu lembu yang berkeliaran di tepi jalan-jalan raya di sekitar Labu. Lembu ini bukan sahaja mengotorkan jalan dengan tahi-tahi yang bersepah-sepah ditinggalkan, lebih menyusahkan dan membahayakan adalah terjadinya banyak kes kemalangan akibat terlanggar lembu terutamanya pada waktu malam atau dini hari. Begitu juga dengan isu kuari yang berhampiran dengan Perkampungan Orang Asli Sebir dan Perkampungan Orang Asli Tekir yang banyak mendatangkan pencemaran habuk dan gejala penyakit dan bunyi bising. Hal-hal sebegini menjadikan isu kebersihan selalu menjadi bahan aduan terutamanya penduduk kepada pihak berkuasa tempatan atau pemimpin masyarakat seperti ADUN atau Ahli Parlimen untuk ditangani segera. Isu lain juga ada dibincangkan pada PRU-14 yang lalu yang secara kolektifnya membentuk satu naratif desakan untuk diselesaikan dan ditangani oleh pelbagai pihak terutamanya ialah pemerintah atau kerajaan sedia ada. Rumusan hasil kajian di atas menunjukkan isu yang berlaku di DUN Labu telah mempengaruhi pola pengundian pilihan raya di kawasan kajian.

#### FAKTOR SOKONGAN PENGUNDI PRU-14

Bahagian ini membincangkan faktor sokongan pengundi PRU-14 di DUN Labu. Jadual 3 ditunjukkan hasil kajian ke atas responden yang dijalankan mengenai faktor sokongan pengundi pada PRU-14. Responden menyatakan bahawa sebab pertama sokongan pengundi pada PRU-14 adalah parti yang sesuai dengan masyarakat majmuk. Faktor pertama ini telah mendapat peratusan tertinggi iaitu sebanyak 19.9 peratus. Sebagai sebuah negara bernama Malaysia, sejak awal lagi dari bangku sekolah kita telah diterapkan dengan nilai-nilai perpaduan, saling bantu dan percaya antara satu sama tanpa mengira agama, kaum atau bahasa. Keadaan ini berlanjutan ke sekolah menengah, universiti, alam pekerjaan sama ada di sektor kerajaan atau swasta. Masyarakat atau penduduk juga diajarkan agar saling menghormati kepercayaan orang lain, budaya, adat resam dan cara kehidupan masing-masing. Akhirnya dapat membentuk satu masyarakat yang saling memerlukan antara satu sama lain terutamanya melibatkan perniagaan, pertanian, pembekalan dan lain-lain. Mohd Irwan Syazli & Balqis Bazilah (2021) menjelaskan bahawa kepelbagaian latar

belakang masyarakat Malaysia menjadikan tingkah laku politik berasaskan perkauman, identiti, dan agama yang bersifat ekstrem semakin popular dalam kalangan elit dan pendokong parti politik. Hal ini berlarutan sehingga ke PRU-14, di mana perspektif etnosentrisme telah meningkat secara dramatik dengan setiap isu yang berlaku di peringkat setempat mahupun nasional dijadikan hujah politik berlandaskan justifikasi perkauman dan agama.

Di Labu contohnya, kepelbagaian ini boleh diterjemahkan dengan demografi pengundi majmuk dengan peratusan pengundi mengikut etnik ialah 71.76 peratus pengundi Melayu, 10.24 peratus pengundi Cina, 15.03 peratus pengundi India, 0.29 peratus pengundi Bumiputra Sabah, 0.18 peratus pengundi Bumiputera Sarawak, 2.07 peratus pengundi Orang Asli dan 0.42 peratus lain-lain. Kelebihan ini menjadikan pengundi memilih parti yang mempunyai ciri-ciri parti yang bersifat majmuk. Sedia maklum, UMNO lebih kepada parti Melayu yang menekankan agenda Melayu, Islam dan Raja-raja Melayu, PAS kepada konsep negara Islam atau negara kebajikan, MCA dan MIC mirip kepada parti kaum Cina dan India, DAP walaupun menegaskan parti berbilang kaum tetapi dimonopoli oleh satu kaum, BERSATU parti Melayu serpihan UMNO, PKR parti yang keahliannya didominasi oleh tiga kelompok terbesar Melayu, Cina dan India. Ciri-ciri yang ada pada sesebuah parti itu dijadikan asas kepada pemilihan parti yang disokong pada PRU 14 lalu.

JADUAL 3: Faktor responden menyokong/memilih parti pada PRU-14 di N20 Labu

Sebab-sebab Sokongan	Peratusan
Sesuai dengan masyarakat Majmuk	19.9
Kepimpinan berpandangan jauh	13.5
Kerap turun padang/mesra rakyat	12.6
Parti yang banyak berjasa	12.1
Manifesto yang lebih baik	11.8
Berintegriti	9.1
Menukar Kerajaan	6.7
Dapat menunaikan manifesto	6.2
Mengikut ahli keluarga/rakan-rakan	5.4
Parti Baru	2.4
Lain-Lain	0.3
Jumlah	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2022

Sebab kedua responden meletakkan kepercayaan yang tinggi yang menyebabkan mereka menyokong sesuatu parti itu adalah disebabkan oleh kepimpinan parti yang berpandangan jauh. Mereka memberikan peratusan kedua tertinggi iaitu dengan peratusan sebanyak 13.5 peratus. Kepimpinan adalah perkara asas dalam sesebuah keluarga, organisasi apatah lagi negeri atau negara. Pemimpin yang hebat akan merancang sesuatu perkara bagi maslahat masyarakat atau pengundi, negeri atau negara. Ini membentuk budaya politik pengundi terhadap sokongan mereka kepada parti politik. Mazli (2023) menjelaskan bahawa budaya politik subjek ini merujuk kepada masyarakat yang menerima output dari sebelah pihak sahaja tanpa banyak soal. Bukan sahaja membangunkan negara, pemimpin yang bijak, berilmu, bertanggungjawab, amanah, berwawasan atau peduli rakyat akan terus disokong dan disukai oleh rakyat atau pengundi. Sebaliknya jika pemimpin itu korup, kejam, lembab, tidak bertanggungjawab sudah pasti akan ditolak atau dijatuhkan oleh rakyat atau pengundinya. Lebih dari itu dalam Islam, pertanggungjawaban ini akan diadili oleh tuhan di hari akhirat nanti. Hasil kajian ini juga dapat dijelaskan lagi hasil temu bual

berikut. Menurut YB Dato' Hamdan Mohamad, Mantan Speaker Dewan Undangan Negeri, beliau menyatakan bahawa:

“ Dia.. dia berdasarkan kepada orang kampung nil ah. Mana orang kampung yang berilmu dia pandang dua-dua sekali (calon dan parti). Pandang parti dan pandang calon. Umpamanya bagi dia, jika dia ingin memilih parti Pakatan Harapan dalam pilihan raya yang baru lalu, mereka tengok yang akan memimpin Pakatan Harapan nanti ialah Dr. Mahathir bekas Perdana Menteri, yang berilmu, yang berpengalaman tinggi dalam pentadbiran. Jadi mereka ni tak fikir apa lagi, terus mengundi parti yang dipimpin oleh Tun Mahathir. Lagi satu ada jugak separuh masyarakat dia membuat penilaian daripada tokoh calon yang diletakkan di kawasan dia. Ada calon yang lazim. Lazim dia lihat di kawasan dia umpama cikgu. Di kawasan dia. Cikgu dia mengajar dia. Mengajar anak dia. Inilah calon pilihan utama bagi mereka. Jika ada calon payung terjun err agak sulit...”

(Dato Hamdan Mohamad, Mantan Speaker Dewan Undangan Negeri, 17 Jan, 2021)

Sebab lain responden menyokong atau memilih parti adalah kerana aktiviti kerap turun padang/mesra rakyat. Peratusan yang dicatatkan adalah sebanyak 12.6 peratus. Pemilihan seseorang calon dalam pilihan raya berkait rapat dengan calon atau parti yang selalu turun padang, berbincang, mendengar, mendapatkan pandangan dan sebaiknya menyelesaikan perkara-perkara berbangkit yang disuarakan pengundi dan rakyat. Apabila calon atau parti kerap turun ke kawasan, sudah pastilah ia akan dikenali oleh penduduk setempat, Dari sini penduduk atau pengundi boleh menilai tentang kebolehan, keikhlasan, kebijaksanaan atau berkomunikasi, potensi dan kekuatan calon atau parti yang bakal dipilih.

Responden juga menyatakan mereka memilih calon atau parti yang banyak berjasa kepada mereka. Pemilihan ini berdasarkan parti-parti tersebut telah mempunyai trek rekod yang boleh dinilai dan diputuskan. Rekod pengalaman ini termasuklah sejarah pemerintahan, sumbangan, kepimpinan, berjasa kepada atuk nenek dan ibu ayah yang menyebabkan legasi ini diteruskan kepada anak-anak sebagai membalas jasa atau kepercayaan yang diberikan sebelum ini. Apabila dilihat kepada parti yang banyak berjasa, umumnya UMNO dan BN/Perikatan selalu dianggap sebagai parti yang perlu disokong kerana rekod cemerlangnya selama puluhan tahun sejak merdeka. Ini juga terkait dengan teori identifikasi terutamanya kawasan-kawasan yang terletak diluar bandar, semuanya menjurus kepada sokongan kerana membalas jasa, sifat kebergantungan itu sangat tinggi. Bagaimanapun, terkemudian ini menunjukkan terdapatnya perubahan yang agak radikal apabila pengundi telah mula untuk berfikir secara pilihan rasional bagi membuat keputusan dalam pilihan raya.

Terakhir dibincangkan adalah sokongan berpandukan kepada manifesto yang lebih baik. Kajian merekodkan jumlah peratusan yang dicatatkan adalah sebanyak 11.8 peratus. Pada PRU-14 tersebut, BN Negeri Sembilan telah menggunakan manifesto yang bertemakan “Bukti, Bukan Sekadar Janji” dengan didokong oleh dua teras utama iaitu “Memakmurkan Negeri” dan “Mensejahterakan Rakyat. Memakmurkan Negeri bagi memastikan ekonomi Negeri Sembilan berkembang maju bagi kemaslahatan negeri. Mensejahterakan Rakyat bermaksud memastikan rakyat Negeri Sembilan hidup dalam keadaan aman, makmur, damai bahagia, Sentosa, selamat dan selesa. Setiap teras pula mempunyai sembilan inisiatif yang mendokong agenda “Kearah Negeri Sembilan Moden 2045”. PAS pula menggunakan manifesto yang bertemakan “Negeri Sembilan Sejahtera”. Manifesto PAS ini mengandungi lima teras yang mengandungi 13 intipati atau tawaran. Pakatan Harapan Negeri Sembilan pula menggunakan manifesto bertemakan “Menjulang Harapan, Memartabatkan Rakyat”. Pakatan Harapan telah menggariskan 5 teras utama iaitu pentadbiran berintegriti dan pembangunan seimbang; pemerkasaan agama adat dan budaya; tanah dan perumahan mesra rakyat; membela kebajikan rakyat dan kesejahteraan wanita dan anak muda dan dengan menggariskan 10 dasar tumpuan. Responden atau pengundi melihat

parti yang menggariskan manifesto yang diyakini boleh memberi manfaat dan kelebihan kepada mereka untuk diundi pada pilihan raya umum nanti. Malah dalam hal ini, pengundi telah mula beralih dari identifikasi parti kepada pilihan rasional, terutamanya bagi pengundi-pengundi di pinggir bandar dan bandar. Dapat dirumuskan bahawa faktor utama sokongan pengundi di DUN Labu pada PRU-14 lalu adalah memilih parti berbilang kaum, kepimpinan berpandangan jauh dan parti yang kerap turun padang

#### FAKTOR-FAKTOR SOKONGAN PENGUNDI TERHADAP PAKATAN HARAPAN PRU-14 DI KAWASAN N20 LABU

Faktor memainkan peranan besar dalam menentukan pola pengundian dalam pilihan raya. Jadual 4 menunjukkan faktor-faktor yang menyokong Pakatan Harapan pada PRU-14 di N20 Labu. Faktor pertama meletakkan manifesto PH yang sederhana dan mesra dengan peratusan yang dicatatkan sebanyak 8.7 peratus. Manifesto memainkan peranan yang penting dalam setiap kali pilihan raya. Ini kerana manifesto ini ditakrifkan sebagai janji dan perkara yang akan dilakukan oleh parti sekiranya menang atau berjaya menubuhkan kerajaan. Atas sebab itu manifesto menjadi tersangat penting kerana ianya akan menggambarkan usaha dan komitmen yang akan dilaksanakan nanti. Jadi adalah perkara biasa bagi setiap parti politik mengumumkan manifesto masing-masing dalam satu ceramah mega dengan kehadiran penyokong dan pengundi yang ramai, disusuli dengan sidang media bersama calon masing-masing.

JADUAL 4. Faktor pengundi menyokong PH pada PRU 14 di N20 Labu

Faktor-faktor menyokong PH	Setuju/Sangat Setuju
Manifesto PH yang sederhana dan mesra	8.7
Ingin mencuba pemerintahan baru	8.5
Kelemahan BN (kepimpinan & ekonomi)	8.4
Pengaruh Media Sosial	7.7
Isu yg dicanang PH mudah difahami rakyat	7.5
Pendekatan PH yang sederhana dan Mesra	7.4
Penggunaan satu logo (PKR)	7.4
Tekad untuk jatuhkan BN	7.2
Faktor Tun Mahathir	7.0
Faktor Karismatik Dato' Seri Anwar Ibrahim	6.7
Dapat ganti BN sebagai parti berbilang kaum	6.3
Jelajah PH membangkitkan semangat	5.6
Simpati terhadap perjuangan PH	4.2
Jelajah PH yang mantap dan tersusun	3.8
Perjuangan untuk semua bangsa dan Agama	3.6
Jumlah	100.0

Sumber: Soal Selidik 2022

Pada PRU-14 tersebut, BN Negeri Sembilan telah menggunakan manifesto yang bertemakan “Bukti, Bukan Sekadar Janji” dengan didokong oleh dua teras utama yang setiap satunys pula mempunyai sembilan inisiatif yang mendokong agenda “Kearah Negeri Sembilan Moden 2045”. PAS pula menggunakan manifesto yang bertemakan “Negeri Sembilan Sejahtera” yang berpaksikan lima teras dan mengandungi 13 inti pati atau tawaran. Pakatan Harapan Negeri Sembilan pula menggunakan manifesto yang bertemakan “Menjulung Harapan, Memartabatkan Rakyat” dengan menggariskan 5 teras utama dan 10 dasar tumpuan. Antara 10 dasar tumpuan yang diketengahkan oleh Pakatan Harapan, beberapa dasar menjadi tarikan dan keyakinan kepada

pengundi seperti tiada kenaikan cukai tanah dan cukai pintu selama 5 tahun, mewujudkan peruntukan khas sebanyak RM500,000 bagi memperkasakan hal ehwal adat perpatih dan menghadkan tempoh jawatan Menteri Besar kepada 2 penggal. Dalam ketiga-tiga dasar tumpuan ini, justifikasinya memberikan harapan, keyakinan dan kepercayaan kepada pengundi tentang hala tuju, tadbir urus, janji dan kepedulian kepada rakyat dan pengundi. Menghadkan tempoh jawatan Menteri Besar kepada 2 penggal memberi gambaran bahawa pemerintahan yang akan diwujudkan nanti menjunjung tadbir urus yang telus, bertanggungjawab serta mengelakkan salahguna kuasa. Peruntukan sebanyak RM500,000 bagi memperkasakan hal ehwal adat perpatih pula meyakinkan pengundi khususnya pengundi Melayu tentang keperihatinan dan kesedaran PH menjaga kepentingan budaya hakiki yang telah berakar umbi di bumi Negeri Sembilan. Dasar tiada kenaikan cukai tanah dan cukai pintu selama 5 tahun meletakkan PH jauh di hadapan dalam merebut undi terutamanya kepada etnik Cina yang pada dasarnya telahpun beralih sokongan kepada PH sejak berlakunya tsunami cina pada PRU 13 lalu.

Faktor kedua tertinggi pula adalah responden atau pengundi di Labu telah meletakkan tekad untuk mencuba pemerintahan baru. Peratusan yang dicatatkan dalam kajian ini adalah sebanyak 8.5 peratus daripada 15 faktor yang ditanyakan kepada responden. Sejarah pilihan raya umum Negeri Sembilan menunjukkan telah 13 kali pilihan raya umum (PRU) diadakan sejak 1959 atau selepas merdeka. Dua belas kali telah dimenangi oleh Perikatan/BN dan hanya sekali dimenangi oleh pembangkang, iaitu pada tahun 1959-1964. Ketika itu DUN Labu telah dimenangi oleh calon pembangkang, S.Sathappan yang mewakili parti Sosialis berhaluan kiri iaitu SF (Socialist Front) atau lebih dikenali dengan Parti Buruh Malaya (Labour Party of Malaya). Bermula daripada 1964-1974 dipegang oleh Perikatan dan seterusnya BN (berubah nama) bermula 1974-2018. Walaupun DUN Labu kalah pada 1959, namun di peringkat negeri Perikatan/BN terus kekal memerintah sejak awal merdeka sehinggalah 2018. Hampir 60 tahun Perikatan/BN memerintah menjadi parti dan pemimpin kepada kerajaan menyebabkan mereka terlalu berkuasa hinggalah timbulnya budaya pantas mencantas, politik wang, memeras keringat rakyat (GST) dan lebih parah kononnya berlaku banyak ketirisan dan penyalahgunaan kuasa. Sampai satu ketika kemaruk kuasa telah berluasa sehinggakan wang digunakan bagi mengekal dan mendapatkan kuasa. Akhirnya BN terutamanya UMNO dilihat tidak lagi berperanan mempertahankan agenda dan kepentingan Melayu dan bumiputera, sebaliknya berlumba-lumba mengumpul kekayaan dan menjaga kepentingan kroni. Masa yang sama, parti gabungan seperti MCA dan MIC dilihat terlalu mengikut telunjuk UMNO sehingga dikatakan MCA dan MIC tidak lagi berperanan menjaga kepentingan kaum Cina dan India. Lebih-lebih lagi UMNO risme yang sangat merisaukan terutamanya oleh masyarakat Cina kerana dikatakan senario politik Melayu selepas PRU-13 teramat cenderung menjaga dan mempertahankan maruah bangsa Melayu. Selain itu pelbagai isu seperti kenaikan harga barang, kos sara hidup, inflasi, peluang pekerjaan, pelaksanaan GST yang membebankan dan ditambah dengan ketirisan tadbir urus Perdana Menteri yang melibatkan 1MDB, kemewahan Datin Rosmah seperti pembelian bag dan cincin mencecah pulohan juta. Hal sebegini menyejatkan seruan “ubah” dan “ini kalilah” yang telah mempengaruhi minda pengundi untuk tekad melakukan perubahan dan menjatuhkan Perdana Menteri najib Razak yang terpiasnya terheret sama ke Negeri Sembilan. Pasca PRU 13 di Negeri Sembilan juga terkait dengan isu abang Menteri Besar Tok Mat yang dikatakan banyak campur tangan dalam urusan pertadbiran Negeri Sembilan. Malah ada yang secara sinis mengatakan bahawa Menteri Besar sebenar di Negeri Sembilan adalah abang Tok Mat. Hal ini menyebabkan rakyat dan pengundi merasakan perlunya usaha menjatuhkan kerajaan BN Negeri Sembilan yang diterajui oleh Tok

Mat. Dapatan ini disokong dan dijelaskan lagi dengan hasil temu bual berikut iaitu YB Zulkefly Mohamad Omar, Speaker Dewan Undangan Negeri, beliau menyatakan bahawa:

“.. Faktor kemenangan masa tu err rasa err Najib sendirilah, faktor kemenangan, Najib. Najib faktor utamalah. Yang kedua momentum masa tu err rakyat nak semua benda yang baru lah. Sebab dia tengok, err pembangkang ada beberapa orang yang.. maknanya, dia dah pernah terlibat dalam kerajaan. Dan dia.. dia rasa err berlaku perubahan orang ni pernah jadi perdana Menteri ( Tun Mahathir ), orang ni pernah jadi timbalan perdana Menteri ( Anwar Ibrahim). Dia tak risau. Itu keadaannya...”

(YB Zulkefly Mohamad Omar, Speaker Dewan Undangan Negeri, 16 Jan 2021)

Faktor ketiga PH mendapat sokongan pada PRU-14 ialah kelemahan BN yang terserlah pada kepimpinan dan ekonomi. Kepimpinan dan ekonomi adalah perkara yang saling berkaitan bagi sesebuah organisasi, negeri atau negara. Kepimpinan yang hebat akan mencetuskan kerajaan yang berwibawa, dihormati, berprinsip, dikenali, aman, membangun dan maju. Hasilnya bukan sahaja iklim politik negara akan lebih aman dan stabil, lebih dari itu akan menarik minat pelabur untuk membuat pelaburan atau menambahkan pelaburan sedia ada yang sudah pasti boleh mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan kerjasama perniagaan. Walau bagaimanapun, politik negara pasca PRU13 telah terheret dengan kepimpinan Najib yang dianggap lemah dengan harga barangan keperluan yang meningkat, amalan ketirisan yang berluasa, campurtangan dan gaya hidup yang boros Datin Rosmah, kos sara hidup yang semakin menekan, GST dan cukup terpalitnya adalah isu 1MDB dan pengubahan wang haram bersama Jho Low dan penyaluran dana sebanyak RM2.6 billion keakaun peribadi Najib. Semuanya ini menyebabkan adanya gesaan Najib berundur atau meletak jawatan. Tun Mahathir antara watak yang secara lantang mendesak dan meminta supaya Najib Razak meletak jawatan. Keadaan ini menyebabkan suasana politik tidak aman dan tidak stabil, bahkan turut disertai oleh menteri kabinet Najib sendiri apabila Muhyiddin Yassin dan Shafie Apdal secara terbuka mengkritik Najib berhubung isu 1MDB. Muhyiddin Yassin dan Shafie Apdal dipecat daripada kabinet Najib beberapa ketika kemudian. Mohamad Fairuz & Mohammad (2022) menjelaskan, pertumbuhan ekonomi semasa pemerintahan Najib Razak tidak menunjukkan perubahan yang lebih baik daripada kerajaan sebelumnya disebabkan oleh salah guna kuasa, skandal 1MDB, penyelewengan, dan tadbir urus yang tidak telus. Kecelaruhan yang berlaku di bawah kepimpinan Najib menyebabkan pentadbiran Najib dilihat tidak membuat dan mempunyai perancangan yang teliti tentang ekonomi negara dan digelar ‘Najibnomics (Najib tiada dasar ekonomi). Kecelaruhan dasar ini menyebabkan ekonomi negara tergugat sehinggakan hutang isi rumah mencecah pada kadar 90 peratus bagi keluaran dalam negara kasar (KDNK), berdepan dengan masalah ekonomi dwi-kelajuan, iaitu sektor tertentu berkembang pesat manakala sektor lain lembab, pelaksanaan GST yang dipertikaikan serta kejatuhan nilai Ringgit. Dapatan ini disokong dan dijelaskan lagi dengan hasil temu bual berikut iaitu En Said Khan Mohd Dali, Ketua Ranting PKR Labu, beliau menyatakan bahawa:

“Salah satu faktornya adalah kita memang nak tukar kerajaan. Sebab apa kerajaan ni, imej kerajaan di luar negara amat burok lah. Sebab saya ni bekerja sektor perkilangan. So kita dapat banyak maklumat lah pasal negara kita. Dan banyak ketirisan. Ketirisan ni kita nampak jelas. So itu antara faktor-faktor untuk saya berubah lah”.

(En. Said Khan Mohd Dali, Ketua Ranting PKR Labu, 16 Januari, 2021)

Faktor keempat adalah pengaruh media sosial yang mencatatkan 7.7 peratus. Abad 21 menyaksikan pelbagai maklumat politik dan isu semasa dapat diakses melalui platform seperti Facebook, Whatsapp, Youtube, TikTok, Instagram, Twitter, Malaysiakini, FMT, SMS dan lain-lain. Lebih menarik platform media sosial seperti Facebook ini menjadi tumpuan sebagai 'pusat

maklumat' rakyat Malaysia terutama pada kempen Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14). Ledakan maklumat berlaku terlalu pantas, berita demi berita disebarkan melalui media sosial seperti Facebook mengenai suasana politik dan isu semasa di seluruh negara. C Sara (BH Online 2016) menyatakan PRU-14 akan berbentuk 'Pilihan Raya Facebook' atau 'Facebook Election'. Tambah beliau lagi, PRU-14 juga menyaksikan kebangkitan 'pengundi digital' yang lebih aktif menyuarakan hujah terbuka dalam media sosial.

Insiden calon pakatan pembangkang tidak dapat menjadi calon di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Rantau, Negeri Sembilan adalah contoh paling jelas. Calon Pakatan Harapan, Dr. Streram Sinnasamy gagal menunjukkan pas pengenalan diri dikeluarkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk masuk ke dewan penamaan calon. Insiden itu mengundang kritikan pemimpin pembangkang seperti Rafizi juga Dr. Wan Azizah dipelbagai saluran media sosial seperti Twitter sebelum dibalas oleh pemimpin Barisan Nasional (BN), termasuk Datuk Seri Najib Razak dan Khairy Jamaluddin yang menyifatkan tuduhan pembangkang berhubung kes itu adalah fitnah. Apa yang nyata, berita tentang insiden di Rantau itu dimuat naik hanya beberapa minit sahaja selepas pengumuman rasmi calon bertanding kerusi Dun Rantau.

Faktor kelima yang menyokong kemenangan PH pada PRU 14 di DUN Labu adalah faktor isu yang dicanang PH mudah difahami rakyat. Kajian menunjukkan jumlah peratusan adalah sebanyak 7.5 peratus. Antara isu yang dekat di hati rakyat adalah seperti ketirisan kepimpinan Najib yang tercalar dengan penyelewengan 1MDB, kenaikan harga barangan, kos sara hidup yang meningkat, Isteri Perdana Menteri, Datin Rosmah yang dilihat boros dan mewah berbelanja. Bahkan awal-awal lagi PH telah memberi jaminan dan pencerahan tentang jawatan Menteri Besar yang dimomokkan oleh BN UMNO bakal terlepas ke tangan DAP sekiranya PH menang dan memerintah di Negeri Sembilan. Berbekalkan manifesto “Menjulung Harapan, Memartabatkan rakyat” setiap pengisian ceramah, perjumpaan dan kempen dapat diterangkan dengan baik dan menyakinkan. Dapat dirumuskan bahawa faktor utama yang membawa kepada kekalahan Barisan Nasional adalah manifesto Pakatan Harapan yang mesra, tekad menukar kerajaan dan kelemahan Barisan Nasional.

## KESIMPULAN

Tsunami politik yang terpacu di DUN Labu dengan kemenangan wakil Pakatan Harapan PH daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR) iaitu Ismail Hj Ahmad, telah menjadi igauan buruk kepada UMNO khususnya di Labu. Bahkan kemenangan majoriti undi 882 Adun Labu ini juga telah menjadi batu loncatan mengenakan majoriti mudah PH untuk menubuhkan kerajaan negeri buat pertama kalinya dalam sejarah pilihan raya umum sejak merdeka. Bagi Barisan Nasional, inilah mimpi ngeri yang terpaksa dihadapi walaupun pada awalnya begitu yakin mengekalkan pemerintahan atas faktor ketokohan Tok Mat dan kemenangan percuma di Rantau. Keputusan pilihan raya PRU-14 DUN Labu ini juga memberi gambaran jelas tentang dinamik tingkah laku pengundi yang boleh disebabkan oleh isu dan faktor yang mempengaruhi keputusan pengundian. Malah hasil kajian ini sangat berguna untuk dipakai calon, parti atau pemerintah agar terus menjalankan tanggungjawab, janji dan harapan rakyat dan pengundi agar terus kekal dan relevan selain cakna dengan penggunaan media sosial yang boleh dijadikan ‘tentera maya’ tanpa upah.



## PENGHARGAAN

Sekalung ucapan terima kasih kepada Sekretariat Siswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dan kebenaran bagi menjalankan kajian di lapangan untuk program pengajian Doktor Falsafah (Geografi Pilihan Raya). Terima kasih juga diucapkan kepada Sekretariat Penyelidikan dan Inovasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia melalui Dana Pecutan FSSK atas pembiayaan yuran artikel ini.

## RUJUKAN

- Ahmad Kamal Ariffin Mohd. Rus, Nor Ain Mat Nor & Nur Hannah Ahmad Zainy. (2019). Kerana Nila? Kekalahan Barisan Nasional di Negeri Sembilan. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ali Salman & Mohd Azul Mohammad Salleh. (2020). Examining relationship between political agenda on social media and political support among university students. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 36(3) 2020: 281-295.
- Ariff Aizuddin Azlan & Mohammad Khairuddin Majidillah. (2018). Ayunan Bandar Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies* 45(2)(December 2018): 251-272.
- Carison, C & Gimpel, J.G. (2019). Political implications of residential mobility and stasis on the partisan balance of locales. *Political Geography* 71: 103-114
- Dr. C Sara. (2018). Pilihan raya dan kesan media sosial. Berita Harian Online. 2 Mei. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/05/419736/pilihan-raya-dan-impak-media-sosial> [17 Jun 2024].
- Evans, J, Arzheimer, K, Campbell, R & Cowley, P. (2017). Candidate localness and voter choice in the 2015 General Election in England. *Political Geography* 59: 61-71.
- Hamdan Mohamad. (2021). Pola kecenderungan pengundi Melayu luar bandar di Negeri Sembilan, Labu. Temu bual, 17 Januari.
- Isa Samad. (2021). Pola kecenderungan pengundi Melayu luar bandar di Negeri Sembilan, Labu. Temu bual, 30 Januari.
- Ismail Sualman, Suhaimee Saahar@Saabar & Noor Nirwandy Mat Nordin. (2021). Trend pengundian menjelang pilihan raya ke-14. Dlm. Ismail Sualman, Suhaimee Saahar@Saabar & Noor Nirwandy Mat Nordin. *Media & Pilihan Raya ke-14*. Shah Alam: Penerbit UiTM.
- Izairuddin Isnin, Muhamad Nadzri Mohamed Noor & Jamaie Haji Hamil. (2022). Politik Melaka kontemporari: Analisis pilihan raya umum negeri Melaka 2021 dan selanjutnya. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 8(3): 185-199.
- Jeniwyaty Mohd Jody, Mohammad Agus Yusoff & Jamaie Hamil. (2024). The influence of anti-federal factions in Sabah politics: An assessment. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 20(2): 184-195.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Rosmadi Fauzi, Mohd Syukri Zainuddin, Muhammad Hazim Abd Ghani & Mazlan Ali. (2018). Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 di Wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia. *Malaysia Brunei Forum 2018*

- (MBF 2018). Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia. 7-8 November.
- Junaidi Awang Besar, Mokhtar Jaafar & Mokhtar Ahmad. (2021). Politik pilihan raya dalam PRU-14 dan pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 7(2): 206-220.
- Junaidi Awang Besar. (2017). Politik pilihan raya menuju PRU-14: kajian kes di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. *3rd International Conference On Elections And Democracy*. Fakulti Sains Sosial, Universiti Malaysia Sarawak. 473-508.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Analisis Faktor Geografi Terhadap Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-14, 2018 di Malaysia. *International Conference on Social Sciences And Humanities (ICOSH-7) 2018*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. 12-15 November.
- Junaidi Awang Besar. (2019a). Perubahan politik dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14, 2018 di Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 220-232.
- Junaidi Awang Besar. (2019b). Pengaruh Geopolitik Kaum Dalam Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14, 2018 Di Malaysia. *International Conference On Social Sciences And Humanities 2019 (ICOSSH 2019)*. Parkcity Everly Hotel, Bintulu, Sarawak, Malaysia. 8-9 October.
- Junaidi Awang Besar. (2021a). Pengaruh geografi terhadap pola pengundian dalam Pilihan Raya Umum ke-14. Dlm. Amer Saifude Ghazali & Junaidi Awang Besar (Editor). *Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi*, hlm. 105-140. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar. (2021b). Geopolitik etnik dalam Pilihan Raya Umum ke-14. Dlm. Amer Saifude Ghazali & Junaidi Awang Besar (Editor). *Geografi Pilihan Raya di Malaysia: Amalan dan Aplikasi*, hlm. 159-202. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Junaidi Awang Besar. (2022). Mahu Pengundi Pilih Calon. GETARAN. <https://www.getaran.my/artikel/politik/34743/poster-tok-mat-penuhi-rembau-itubukti-bn-mahu-pengundi-pilih-calon>. 9 November.
- Khoo Kay Kim. (1994). Adat dan perkembangan politik: Pembangunan masyarakat Negeri Sembilan. Dlm. Samad Idris, Norhalim Ibrahim, Muhammad Tainu & Dharmala N.S. (Penyelenggara). *Negeri Sembilan: Gemuk Dipupuk, Segar Bersiram: Adat Merentas Zaman*. Seremban: Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan Darul Khusus.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30(3): 607-610.
- Malaysiakini. (2017). Dasar ekonomi Najib kaku sejak 2009. 26 Oktober. <https://m.malaysiakini.com/news/399648> [17 Jun 2024].
- Mazli Mamat. (2023). Budaya Politik Dalam Kalangan Pengundi Luar Kelantan Di Lembah Klang Pasca Pru Ke-14. *Akademika* 93(3): 2023: 53-67.
- Mohamad Fairuz Mat Ali & Mohammad Agus Yusoff. (2022). Malaysian Political Development in the Era of Najib Razak. *Akademika* 92(1): 2022: 3-15.
- Mohammad Khairuddin Majidillah & Zulkanain Abdul Rahman. (2019). Prestasi DAP di dalam Pilihan Raya Umum ke-14: Kajian Kes Negeri Sembilan. Dlm. Zulkanain Abdul Rahman, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali (Pnyt). *Pilihan Raya Umum ke-14: Isu dan Cabaran Malaysia Baharu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Hasbie Muda. (2013). *Kemenangan yang Tertangguh: Analisis keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 dan Unjuran Kemenangan Masa Hadapan*. Petaling Jaya: Megamind Leadership Consultancy.

- Mohd Irwan Syazli Saidin & Balqis Bazilah Othman. (2021). Perkembangan Politik Malaysia Pasca PRU-12: Satu Tinjauan Menerusi Perspektif Etnosentrisme. *Akademika* 91(3) 2021: 53-62.
- Mohd Sayuti Omar. (2004). *Pilihan Raya Umum Ke 11: Suatu Tragedi*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Mohd Sayuti Omar. (2023). *Noktah. Sebuah Penantian Anwar PM 10*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Mokhtar Ahmad, Junaidi Awang Besar. (2024). Pola Pandangan Pengundi Melayu Pasca PRU-14 di Negeri Sembilan. *Internasional Journal Of Law, Government And Communication (IJLGC)* 9(36): 37-52.
- Mokhtar Ahmad. (2019). Pola Kecenderungan Politik Melayu Luar Bandar Di Negeri Sembilan. *Postgraduate Research Seminar 2019/Seminar Penyelidikan Siswazah (POGRES 2019)*. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor. 4 Disember.
- Mokhtar Ahmad. (2020). Pola kecenderungan Politik Melayu luar bandar di Negeri Sembilan. Borang Kaji Soal Selidik di lapangan. Labu. 2020 -2021.
- Nazli Aziz. (2008). Pilihan Raya Umum Ke-12 dan perhubungan kaum di Malaysia: Suatu “bicara”. Dlm. Worrn Kabul, Shireen Haron, Mat Zin Mat Kib & Abdul Kadir Rosline (Pnyt.). *Prosiding Seminar Politik Malaysia: Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya Ke-12*. Universiti Teknologi MARA Sabah.
- Robinson, T & Noriega, S. (2010). Voter migration as a source of electoral change in the RockyMountain West. *Political Geography* 29(1): 28-39.
- Said Khan Mohd Dali. (2021). Pola kecenderungan pengundi Melayu luar bandar di Negeri Sembilan, Labu. Temu bual, 16 Januari.
- Sara, C. (2018). Pilihan raya dan impak media sosial. *Berita Harian* (Kolumnis), 2 Mei.
- Scoresheet keputusan DUN N20 Labu PRU-14.
- Shah Mohd Akmal Abdul Halim. (2023). 54 Tahun Meniti Perjuangan yang Panjang. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 6-11.
- Siti Nurshahidah Sah Allam, Normah Mustaffa & Mohd Nor Shahizan Ali. (2024). Pengaruh kemahiran literasi media dalam konteks pengundi muda baharu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 40(2) 2024: 224-246.
- Strategic Info Research Development. (2000). *Dilema UMNO: Analisa Pilihanraya Umum 1999*. Petaling Jaya: SIRD.
- Suhana Saad & Shahrul Nazmi Sannusi. (2023). Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU15): Analisis bias media portal berita dalam talian di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 39(4) 2023: 247-269.
- Yusop Khan Loth Khan. (2000). *Nostalgia Pilihan Raya 1955-1999: Perjalanan Menuju Abad 21*. Pulau Pinang: Zainol Ahmad Resource Center.
- Zulkefly Mohamad Omar. (2021). Pola kecenderungan pengundi Melayu luar bandar di Negeri Sembilan, Seremban. Temu bual, 16 Januari.

Mokhtar Ahmad  
Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor, Malaysia  
Emel: [mokhtarahmad.mba@gmail.com](mailto:mokhtarahmad.mba@gmail.com)

Junaidi Awang Besar (Penulis koresponden)  
Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor, Malaysia  
Emel: [jab@ukm.edu.my](mailto:jab@ukm.edu.my)

Mohd Fuad Mat Jali  
Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Bangi, Selangor, Malaysia  
Emel: [fuad@ukm.edu.my](mailto:fuad@ukm.edu.my)